| SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. | | |
|---|---|---|
| **File No :** 20190602821 | **NONCONFORMITY REPORT (NCR)** | **NCR No :** NCR03902821-1 |
| **Audit Type :** **Surveillance 1 Audit** | **Classification : Minor**<br>**Standard Name:** ISO/IEC 27001:2013 | **Last audit date :** 09-Oct-2019<br>Page 1 of 3 |
| **Client :** UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA | | |

**Section 1 - Details of nonconformity**

**Requirement:**

***<u>Standard ISO/IEC 27001:2013</u>***

**10.1 Ketakakuran dan tindakan pembetulan**

b) menilai keperluan untuk bertindak menghapuskan punca ketakakuran, supaya ia tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan:

1) mengkaji semula ketakakuran;

2) menentukan punca ketakakuran; dan

3) menentukan jika ketakakuranyang serupa wujud, atau berpotensi berlaku;

**Finding:**

Terdapat tiga (3) penemuan Laporan Peluang Penambahbaikan audit yang dilaporkan pada audit lepas (1-3 Oktober 2018) berlaku pengulangan.

**Objective evidence:**

Bukti Penemuan :

Laporan peluang penambahbaikan audit 2018 untuk klausa dan kawalan Keselamatan berikut:

1. **<u>Klausa 8.1 (A.11.2.8)</u>** - *Peralatan pengguna tanpa jagaan*

   - PC pentadbir sistem Penilaian Pengajaran di Fakulti Kejuruteraan tidak mempunyai kawalan untuk komputer yang ditingallkan tanpa jagaan.

2. **<u>Klausa 8.1 (A.12.2.1)</u>** – *Kawalan daripada perisian hasad*

   - PC pentadbir sistem Penilaian Pengajaran di Fakulti Kejuruteraan tidak menegemaskini definisi antivirus yang terkini dan

     imbasan tidak dilaksanakan pada sela masa yang sewajarnya.

     Tarikh kemaskini yang terakahir adalah pada 31 Julai 2017 dan imbasan yang terakhir pada 23 Februari 2019

3. **<u>Klausa 8.1 (A.9.3.1)</u>** - *Penggunaan maklumat pengesahan rahsia*

   - Kata laluan yang dimasukkan tidak mematuhi Garis Panduan Pengurusan Identiti.

***<u>Lokasi : Fakulti Kejuruteraan</u>***

Kata laluan untuk kemasukan ke PC: Kombinasi kata laluan hanya mengandugi huruf sahaja

Kata laluan untuk kemasukan Sistem Penilaian Pengajaran (*Putrablast*) : Kombinasi kata laluan hanya mengandugi huruf sahaja

| **File No :** 20190602821 | **NONCONFORMITY REPORT (NCR)** | **NCR No :** NCR03902821-1 |
|---|---|---|
| **Audit Type :** **Surveillance 1 Audit** | **Classification : Minor**<br>**Standard Name:** ISO/IEC 27001:2013 | **Last audit date :** 09-Oct-2019<br> |

**Client :** UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***Lokasi : Kolej 10***

Kata laluan untuk kemasukan Sistem Maklumat Pelajar (*SMP*) : Kombinasi kata laluan tidak mempunyai symbol

***Lokasi : Kolej TunDr Ismail (KTDI)***

Kata laluan untuk kemasukan Sistem Maklumat Pelajar (*SMP*) :

- Admin 1: Kombinasi kata laluan hanya mengandugi nombor sahaja
- Admin 2: Kata laluan yang dimasukkan kurang daripada 8 aksara (6 aksara sahaja) serta tidak mengandungi symbol.

**Justification (for IATF only) :**

**Auditor** **Client Representative**

NORIDAH BINTI YAHYA

**Section 2 - Result of investigation and determination of root cause**

Tahap kesedaran Pengguna ICT UPM terhadap tanggungjawab pematuhan amalan baik pengurusan identiti digital dan amalan baik keselamatan komputer yang masih rendah

Client Representative: PROF. DR. AMIN ISMAIL

| SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. | | |
|---|---|---|
| **File No :** 20190602821 | **NONCONFORMITY REPORT (NCR)** | **NCR No :** NCR03902821-1 |
| **Audit Type :** **Surveillance 1 Audit** | **Classification : Minor**<br>**Standard Name:** ISO/IEC 27001:2013 | **Last audit date :** 09-Oct-2019<br>Page 3 of 3 |
| **Client :** UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA | | |

**Section 3 - Correction (if applicable) and corrective action plan including completion date**

**(1) Klausa 8.1 (A.11.2.8) - Peralatan pengguna tanpa jagaan**

Melaksanakan kempen keselamatan komputer dalam kalangan warga UPM:

1. Membangunkan klip video ringkas berkaitan 'Tips Keselamatan Komputer' dan membuat hebahan kepada semua warga UPM;
2. Menampal sticker "Tips Keselamatan Komputer" pada semua komputer warga UPM.

**(2) Klausa 8.1 (A.12.2.1) – Kawalan daripada perisian hasad**

Melaksanakan sewaan *Putra®Smart VDI Desk* bagi keselamatan komputer di UPM untuk tempoh tiga (3) tahun dengan pendekatan menggunakan teknologi *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI) yang dapat membantu pemantauan pengurusan perisian secara berpusat.

**(3) Klausa 8.1 (A.9.3.1) - Penggunaan maklumat pengesahan rahsia**

3.1 <u>Sistem yang menggunakan UPMID</u>:

Melaksanakan penguatkuasaan (enforcement) di laman UPM-ID terhadap pengguna yang mempunyai kata laluan yang tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk membuat penukaran kata laluan melalui pautan yang telah disediakan

3.2 <u>Sistem yang tidak menggunakan UPMID iaitu Sistem Maklumat pelajar (SMP)</u>

Menambahbaik proses pengurusan identiti pengguna SMP supaya dapat mengintegrasikan dengan UPM-ID

Client Representative: PROF. DR. AMIN ISMAIL | Accepted by NORIDAH BINTI YAHYA

**Section 4 - Verification of corrective action(s) (to be filled up by Auditor)**

Verified by: NORIDAH BINTI YAHYA | NCR close out:

Close date:

# LAMPIRAN A: BUKTI PELAKSANAAN TINDAKAN PEMBETULAN PENEMUAN AUDIT ISMS TAHUN 2019

## 1. Klausa 8.1 (A.11.2.8) - Peralatan pengguna tanpa jagaan

a) Hebahan klip video ringkas berkaitan "Tips Keselamatan Komputer" kepada warga UPM menerusi Facebook dan WhatsApps akan dilaksanakan mulai minggu pertama Januari 2020.

b) Menampal pelekat "Tips Keselamatan Komputer" pada semua komputer warga UPM. Tumpuan utama pengesahan keselamatan komputer adalah kepada pentadbir sistem yang mengendalikan Sistem Putrablast, Sistem Maklumat Pelajar (edaftar), dan Sistem Kewangan Universiti. Cadangan jadual pelaksanaan adalah seperti berikut:

| Bil | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|
| 1 | 2 – 13 Dis 2019 | Pejabat Am:<br>- Pejabat BURSAR<br>- Bahagian Hal Ehwal Pelajar<br>- Bahagian Akademik |
| 2 | 16 – 27 Dis 2019 | Pejabat Am Kolej Kediaman |
| 3 | Januari 2020 | Pejabat Am Fakulti |

## 2. Klausa 8.1 (A.12.2.1) – Kawalan daripada perisian hasad

Perolehan bagi pelaksanaan *Putra® Smart VDI Desk* ini dilaksanakan hanya kepada komputer yang telah menjadi aset Pusat Tangungjawab (PTJ) dengan menggunapakai kaedah 3 tahun sewaan melalui peruntukkan PTJ masing-masing berdasarkan kiraan PC. Cadangan pelaksanakan sehingga Mac 2020 berdasarkan tindakan berikut:

(a) Inisiatif *Putra® Smart VDI Desk* ini adalah di mana perisian dan aplikasi ditempatkan di dalam pelayan (server) yang mana pengurusan sistem akan membuat proses kemaskini dan imbasan terhadap semua PC pengguna secara automatik. – Rujuk **Gambar 1**




**Gambar 1** : Seni Bina *Putra® Smart VDI Desk*

(b) Setiap aplikasi dan perisian boleh dicapai terus oleh client melalui browser tanpa perlu melalui aktiviti *"application installation"*.

(c) Capaian aplikasi dan perisian tidak terhad hanya melalui komputer di makmal komputer. Ia juga boleh dicapai oleh pengguna di mana sahaja dan pada bila-bila masa (*anywhere*, *anytime*) melalui komputer meja atau komputer riba.

(d) Agen "*refresh*" dan "*restart*" akan membersihkan komputer secara berjadual daripada virus dan bebanan yang tidak perlu, seterusnya meningkatkan jangka hayat komputer.

(e) Aktiviti mengemaskini dan menambahbaik aplikasi dan perisian hanya perlu dilakukan melalui pelayan (*server*) tanpa melibatkan aktiviti di komputer pengguna.

## 3. <u>Klausa 8.1 (A.9.3.1) - Penggunaan maklumat pengesahan rahsia</u>

### (a) Sistem yang menggunakan UPMID

i. Emel peringatan kepada pengguna melalui INFo ICT bertarikh 4 Disember 2019 (Rujuk emel pada **Gambar 2**).

ii. Pengaktifan *enforcement* kawalan di portal UPMiD (Rujuk **Gambar 3**)

# LAMPIRAN A: BUKTI PELAKSANAAN TINDAKAN PEMBETULAN PENEMUAN AUDIT ISMS TAHUN 2019

12/9/2019 Universiti Putra Malaysia Mail - PEMATUHAN KRITERIA KOMBINASI KATA LALUAN UPM-ID (COMPLIANCE TO UPM-ID PASSW...

ROZI BINTI TAMIN / CQA <t_rozi@upm.edu.my>

**PEMATUHAN KRITERIA KOMBINASI KATA LALUAN UPM-ID (COMPLIANCE TO UPM-ID PASSWORD COMBINATION CRITERIA)**

1 message

**INFO ICT / UPM** <info_ict@upm.edu.my> Wed, Dec 4, 2019 at 12:43 AM
To: ALL UPM <one@upm.edu.my>, one@student.upm.edu.my
Cc: FATIMAH SIDI / FSKTM <fatimah@upm.edu.my>, M Iqbal Saripan /UPM <iqbal@upm.edu.my>

Assalamualaikum dan Salam sejahtera,

Warga UPM yang dihormati,

Dimaklumkan bahawa lanjutan daripada penemuan Audit Pemantauan ISMS, pengurusan kata laluan pengguna UPM-ID perlu dikuatkuasakan seperti garis panduan yang dibangunkan. Pengguna UPM-ID hendaklah memastikan kata laluan yang digunakan mematuhi kriteria kombinasi berikut :-

i. Sekurang-kurangnya mempunyai 8 aksara dan dihadkan pada 40 aksara; DAN
ii. Sekurang-kurangnya satu (1) huruf besar; DAN
iii. Sekurang-kurangnya satu (1) huruf kecil; DAN
iv. Sekurang-kurangnya satu (1) digit; DAN
v. Tidak mempunyai ruang kosong (*whitespace*).
vi. Aksara khusus (*special character*) adalah DIGALAKKAN.

Pengguna juga diminta mengambil perhatian atas perkara **BERIKUT** :-

i. Pengguna yang menggunakan kata laluan yang tidak mematuhi kriteria kombinasi tersebut diberikan tempoh sehingga **6 Disember 2019** untuk membuat penukaran kata laluan.
ii. Selepas **6 Disember 2019**, penguatkuasaan akan dibuat (*enforcement)* pada laman UPM-ID bagi memastikan pengguna mematuhi kriteria yang telah ditetapkan.
iii. Penukaran kata laluan boleh dibuat melalui pautan berikut: (https://upm-id.upm.edu.my/staff/private/Login)

Sila rujuk **Lampiran A** untuk panduan.

Terima kasih.

Ketua
Bahagian Operasi Aplikasi
Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi (iDEC)

---

**Gambar 2** : Emel kepada semua Pengguna UPM




**Gambar 3** : Paparan ***enforcement* kawalan di portal UPMiD**